

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

HGG 352 - Geografi Pembangunan

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Jelaskan bagaimana penyelidikan geografi memberi sumbangan terhadap perkembangan teori-teori pembangunan semenjak tahun 1960-an.
2. Bincangkan pendekatan kajian pembangunan 'equilibrium' atau 'konflik' dengan merujuk kepada andaian-andaian dan konsep-konsep utama yang digunakan.
3. Bincangkan peranan dan kedudukan petunjuk-petunjuk sosial di dalam penyelidikan atau perancangan pembangunan.
4. Sejauh manakah kemiskinan di desa atau di bandar di Malaysia disebabkan oleh eksploitasi? Huraikan sejelas-jelasnya struktur eksploitasi ini dan kaitannya dengan politiko-ekonomi negara.
5. Huraikan dasar-dasar yang patut dilaksanakan ke atas sesebuah wilayah mundur di Malaysia bagi memesatkan lagi pembangunan tanpa meluaskan jurang perbezaan pendapatan di kalangan penduduk.
6. **SAMA ADA**
  - (a) Nyatakan tiga(3) pendekatan pengenalpastian kemunduran dan ketidakpembangunan. Sejauh manakah kesesuaiannya untuk memahami masalah ini di negara-negara membangun.

**ATAU**

- (b) Pendekatan 'Teknokratik' sangat diberi tumpuan di dalam Perancangan Pembangunan Luar Bandar di negara-negara membangun. Pilih mana-mana satu negara dan berikan kritikan anda dengan merujuk kepada program-program yang dijalankan.